

Oleh : DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
Tempat: PUSAT ISLAM, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 24-04-86  
Tajuk : UPACARA PEMBUKAAN RASMI MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN  
PERINGKAT KEBANGSAAN

Bismillahir Rahmanir Rahim.  
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Yang Berhormat Menteri-Menteri dan  
Timbalan-Timbalan Menteri;  
Yang Berbahagia  
Dato Seri Haji Kamaruddin Mohd. Isa,  
Pengerusi Jawatankuasa Pusat Musabaqah  
Membaca Al-Quran;  
Dif-Dif Kehormat;  
Tuan-tuan dan Puan-Puan,

Saya amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan rahmat dan limpah kurniaNya kita dapat sekali lagi bertemu di Majlis yang mulia ini. Kita juga bersyukur kepadaNya kerana dikurniakan kepada kita tenaga dan fikiran yang sihat bagi meneruskan tanggungjawab yang diamanahkan kepada kita, bagi menjunjung dan meninggikan Syiar Islam dan seterusnya mempraktikkan segala tuntutan Al-Quran di dalam kehidupan kita sehari-hari.

Muslimin dan Muslimat sekalian,

2. Kita hendaklah sedar bahawa negara kita pada masa ini sedang menghadapi masalah iaitu kesan kemelesetan ekonomi dunia dan kejatuhan harga barangan utama. Pendapatan hasil dari eksport kita jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu. Ini adalah kerana bahan-bahan eksport utama kita telah mengalami kejatuhan harganya dengan teruk di pasaran dunia.

3. Kerajaan juga sedar bahawa sebahagian daripada rakyat amat tertekan dengan kejatuhan harga komoditi-komoditi utama ini. Ramai yang menganggur atau pendapatan mereka turun dengan banyak. Walau bagaimanapun kita hendaklah menyedari bahawa suasana yang wujud ini adalah juga satu ujian daripada Allah Subhanahu Wataala iaitu untuk menguji sejauh manakah kesabaran dan keimanan kita dalam menghadapi dugaan dan juga untuk melihat sejauh mana kebijaksanaan hambaNya dalam berusaha mengatasi cabaran ini.

4. Dari itu sambil kita sebagai Umat Islam berdoa kepada Allah dan memohon pertolonganNya, kita hendaklah mengembelikan tenaga dan fikiran bagi mengatasi tekanan yang kita hadapi. Sebagai orang Islam kita tidak boleh kecewa atau putus asa. Ujian Tuhan tetap mempunyai khasiat tertentu walaupun kita tidak nampak apa dianya. Bagi Kerajaan pula, beberapa usaha telah, sedang dan akan diambil bagi menghadapi suasana ekonomi yang lembab ini, seperti usaha bagi membangunkan kampung-kampung dengan mewujudkan industri-industri kecil yang menggunakan bahan-bahan mentah tempatan dan sebagainya.

5. Di samping itu salah satu cara yang penting dan yang sememangnya dituntut oleh Islam bagi menghadapi suasana ini ialah dengan berjimat-cermat dan mengelakkan diri daripada segala pembaziran. Sebab inilah tema Musabaqah kali ini ialah "Berjimat Berkat, Membazir Mudharat".

Muslimin dan Muslimat sekalian,

6. Kita hendaklah menyedari bahawa tabiat berjimat ini amat disuruh oleh Islam. Ini adalah kerana kesannya bukan sahaja menjamin keutuhan dan kekuatan ekonomi kita sendiri, bahkan

juga akan dapat menolong memperkukuhkan ketahanan ummat dan negara. Dengan berjimat kita akan dapat menyelamatkan diri daripada berbagai tekanan seperti hutang yang tidak dapat dibayar, kehilangan harta kerana terlebih belanja daripada pendapatan dan lain-lain lagi. Sebaliknya dengan berjimat-cermat kita sebagai orang Islam yang tidak boleh mungkir dapat membayar balik segala hutang kita dan mungkin dapat mengumpul wang untuk dilabur atau untuk modal perniagaan. Dengan pelaburan yang bijak kita bukan sahaja mungkin mendapat keuntungan tetapi dapat pula mewujudkan peluang kerja bagi yang menganggur dan meningkatkan kegiatan jual-beli dan dagangan dalam masyarakat, yang mana ini semua akan meringankan kesan kemelesetan ekonomi ke atas anggota masyarakat, termasuk kita orang-orang Islam.

7. Nabi pernah bersabda yang bermaksud: "Tangan di atas adalah lebih baik dari tangan di bawah"; riwayat oleh al-Bukhari, daripada Hakim Ibn Hazam. Hadis ini menunjukkan bahawa Islam amat menggalakkan umatnya supaya menjadi orang yang mempunyai keupayaan memberi dan menolong orang lain. Sebaliknya, Islam tidak menggalakkan umatnya sentiasa bergantung dan mengharap belas kasihan orang lain kerana amalan bergantung kepada orang lain tanpa apa-apa usaha sendiri, akan menjatuhkan maruah umat Islam.

8. Suruhan berjimat ini bukan sahaja terhad kepada kegiatan ekonomi, atau pada masa ekonomi mendesak. Kita harus berjimat-cermat sepanjang masa dengan semua yang ada pada kita. Kita harus berjimat dengan masa. Kita harus berjimat dengan semua harta milik sementara kita, dengan kesihatan kita, dengan persaudaraan keluarga dan rakan kita dan persaudaraan kelslaman kita, dengan keamanan masyarakat kita -- dengan semua kebahagiaan yang sebenarnya adalah anugerah Tuhan kepada kita. Insya-Allah dengan berjimat-cermat ini kita akan perolehi ketenangan dan kebahagiaan baik di masa biasa atau di masa-masa kecemasan. Sudah tentu semua amalan baik ini akan menjadi bekalan kita untuk akhirat.

9. Jika Kerajaan menyeru supaya kita berdisiplin, bekerja bersungguh-sungguh, mempertingkatkan daya pengeluaran kita, sebabnya ialah kerana semua ini adalah sebahagian daripada amalan berjimat-cermat yang dituntut oleh agama Islam. Dengan perkataan lain, seruan ini secukup dengan penerapan nilai-nilai Islam. Sebaliknya mereka yang mempersendakan seruan Kerajaan atau sengaja tidak menghiraukannya, pada hakikatnya mereka menentang penerapan nilai-nilai Islam. Begitu juga jika kita membelakangkan seruan ini dengan menumpukan kepada perkara-perkara kecil yang dicipta untuk membeza-beza dan membahagikan orang Islam.

Muslimin dan Muslimat sekalian,

10. Di samping Islam menyuruh umatnya berjimat-cermat, Islam juga melarang melakukan perbuatan membazir. Al-Quran telah memberi ingatan bahawa orang yang membazir ini adalah saudara kepada syaitan. Allah berfirman di dalam Al-Quran pada surah Al-Isra' Ayat 27, yang bermaksud: "Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedangkan syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya". Dalam ayat 67 surah Al-Furqan, Allah juga berfirman yang bermaksud: "Dan juga mereka yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tidak pula bakhil kedekut; (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara itu". Kedua-dua ayat ini menunjukkan kepada kita bahawa sementara Islam melarang kita berlaku bakhil dan kedekut, Islam tidak menggalakkan umatnya membelanjakan wang ringgit yang melampaui batas ataupun keterlaluan.

Muslimin dan Muslimat sekalian,

11. Hari ini kita dapat menunaikan fardu Haji dengan mudah dan murah. Dengan menggunakan kapalterbang kita dapat pergi ke Mekah dan Madinah dalam sekejap masa. Dengan itu ramailah yang dapat mengerjakan fardu Haji di mana di masa dahulu cuma pada umumnya

sebilangan orang-orang yang kaya sahaja dapat melakukan rukun Islam yang kelima ini oleh kerana tambang yang mahal dan perjalanan yang agak sukar.

12. Penjimatan masa dan belanja ini adalah hasil ilmu sains dan teknologi. Demikian juga kapal laut, keretapi, bas dan sebagainya adalah hasil kajian sains dan keupayaan teknologi. Jelaslah daripada ini sains dan teknologi telah menolong kita menjimatkan masa dan belanja dalam membuat ibadat. Hakikat ini sahaja pun mencukupi bagi kita memahami nilai sains dan teknologi dalam Islam. Kita tidak menafikan pentingnya lain-lain ilmu termasuk yang berkaitan dengan aqidah dan ibadah. Tetapi, amatlah bercanggah dengan ajaran Islam kalau kita mengenenipkan ilmu sains dan teknologi kerana jika sains dan teknologi diguna secara tidak angkuh dan dengan penuh kesedaran akan kebesaran Tuhan, kita akan dapat berjimat dengan segala apa yang ada pada kita.

13. Justeru itu, sementara kita mengukuhkan lagi iman dan mendalami ajaran agama Islam, kita juga perlu menguasai ilmu-ilmu lain termasuk bidang sains dan teknologi. Janganlah kita ketinggalan dalam bidang ini sehingga terpaksa bergantung sepanjang masa kepada orang lain yang mungkin mempunyai niat dan muslihat lain.

Muslimin dan Muslimat sekalian,

14. Kemiskinan sesorang manusia ialah kerana tidak berjimat-cermat tetapi sebaliknya membazir. Tiap seorang manusia yang dilahirkan mempunyai kekayaan jika ia sedar apa yang ada padanya. Sebab itu kita dapat lihat orang yang lumpuh anggota pun dapat menggunakan akalinya untuk belajar sesuatu ilmu dan tangannya untuk menulis, mengukir dan sebagainya. Sebenarnya orang yang tidak cukup pancainderanya menunjukkan kebolehan yang luar biasa dengan anggotanya yang tidak cacat. Orang yang buta mempunyai pendengaran yang tajam dan jarinya begitu sensitif sekali. Sebaliknya orang yang bisu boleh melihat dengan terang. Tuhan yang Maha Kaya mengurniakan kebolehan ini sebagaiimbangan kepada kekurangan yang semula jadi. Apatah lagi orang yang tidak cacat -- mereka kaya dengan kebolehan tiap anggota.

15. Hanya yang diperlukan ialah kita tidak membazirkan kekayaan semula jadi kita ini. Kita tidak seharusnya mengeloh selagi ada kekayaan ini. Sebenarnya jika kita berkata kita miskin, kita sepatutnya menyoal apakah kita sudah guna sepenuhnya kekayaan yang dikurniakan oleh Tuhan sebagai modal bagi kita. Jika tidak maka kita sudah tidak bersyukur kerana membazir dan tidak berjimat-cermat. Janganlah kita guna mata yang buta sebagai modal untuk meminta sedekah sedangkan tangan kita, telinga kita dan akal kita masih baik dan boleh diguna untuk mencari rezeki secara halal.

16. Rezeki ada di mana-mana sahaja. Hanya yang diperlukan ialah kita tidak membazir dan kita gunakan modal kurniaan Tuhan secara tersusun dan teratur dengan berjimat-cermat. Dengan tidak mudah kecewa, dengan tekun dan disiplin, insya-Allah kita akan menghasilkan kekayaan. Sama ada kekayaan itu lumayan atau tidak, sekali lagi bergantung kepada jimat cermat kita. Manusia yang terkaya sekali menjadi miskin jika ia belanja lebih daripada pendapatannya. Sebaliknya, manusia yang kurang berada adalah kaya kalau ia berjimat-cermat dan berbelanja kurang daripada pendapatannya. Diri sendirilah yang patut disoal jika kita miskin atau kaya. Kita tidak boleh ragu-ragu kerana Tuhan sudahpun mengurniakan modal yang cukup bagi tiap seorang daripada kita. Soalnya ialah apakah kita sudah menggunakan modal ini dengan sepenuhnya atau kita membazirkannya? Dan jika memperolehi pendapatan dari modal kita, apakah kita bercermat atau membazir?\

Muslimin dan Muslimat sekalian,

17. Ayat-ayat Al-Quran yang akan dibacakan sepanjang Musabaqah ini akan menjelaskan pengajaran dan panduan Quran terhadap sikap mulia berjimat dan buruknya pembaziran.

Marilah kita bersama-sama menerap nilai-nilai dan pengajaran Al-Quran ini semoga kita dapat manfaatnya di dunia dan juga di akhirat.

18. Akhirnya, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Pusat Musabaqah dan para anggota petugas lain yang telah bekerja keras bagi menjayakan musabaqah tahun ini. Saya berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala semoga Musabaqah ini akan memberi manfaat yang berterusan.

19. Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, saya membuka Majlis Musabaqah Al-Quran Peringkat Kebangsaan ini dengan rasminya.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.